

BAB 7 PELAN PENGURUSAN SPATIAL NEGERI

Pelan Pengurusan Spatial merupakan rangka asas yang memandu untuk memperinci dan menterjemah strategi dan tindakan pelan spatial negara dalam konteks setiap negeri di kawasan pemakaian RFN Ke-4

Penyediaan dokumen RFN telah melalui beberapa fasa dari RFN Pertama hingga RFN Ke-4 dan telah melalui beberapa siri pembaharuan perancangan yang perlu diterapkan dalam membentuk integrasi perancangan spatial yang kukuh seterusnya dapat memacu pembangunan seimbang antara wilayah (*inter* dan *intra*) dan di antara bandar dan luar bandar.

Selaras dengan fungsi utama RFN, penyediaan Pelan Pengurusan Spatial menjadi keperluan dalam memastikan strategi dan tindakan perancangan dapat diterjemah dan dirasionalisasi di peringkat wilayah dan negeri.



Fungsi dan Objektif Pelan Pengurusan Spatial

Pelan Pengurusan Spatial diperingkat negeri disediakan bagi menterjemahkan hala tuju strategik negara ke peringkat negeri (negeri-negeri diseluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan).

Pelan ini juga mengambil kira kandungan penting dan penterjemahan dalam Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Pelan Pengurusan ini hendaklah menjadi asas kepada perancangan pusat pertumbuhan, kawasan sumber yang perlu dipelihara disamping memastikan perancangan mengambil kira aspek pengurusan risiko bencana semula jadi.

Terdapat tiga (3) jenis pelan pengurusan spatial negeri, iaitu :

- i. Pelan Rangka Pertumbuhan Spatial;
- ii. Pelan Pengurusan Sumber; dan
- iii. Pelan Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi

Objektif utama Pelan Pengurusan Spatial Negeri adalah:

- Menjadi panduan dan hala tuju pembangunan semasa dan masa hadapan di setiap negeri selaras dengan hala tuju pembangunan negara;
- Memastikan pembangunan infrastruktur yang efektif dan optimum di setiap pembangunan spatial negeri;
- Menjadi rujukan kepada Pihak Berkuasa Perancang Negeri dalam mengenal pasti keupayaan setiap negeri untuk mencapai pelan pembangunan yang ditetapkan di peringkat negara; dan
- Penglibatan dan kolaborasi diperingkat negara dan negeri dalam memajukan pembangunan masa kini.

Senarai Pusat Pertumbuhan RFN Ke-4

Pelan Pertumbuhan Spatial memberi fokus kepada pembangunan dalam kawasan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP). Corak pembangunan secara polisentrik di dua pusat pertumbuhan tersebut dapat memastikan ianya lebih berdaya saing khususnya dalam memantapkan pembangunan di kawasan ini.

Selain itu, bandar/pekan bersaiz sederhana yang berada di luar ZPP dan Konurbasi akan dikenal pasti sebagai Pusat Katalis yang mempunyai potensi seterusnya dapat menjadi fokus dan berperanan sebagai pusat pertumbuhan kawasan tadahan sekitarnya. Corak pembangunan secara monosentrik diterjemahkan untuk memastikan aktiviti ekonomi dan perkhidmatan perbandaran akan tertumpu di bandar/pekan sebagai pusat pertumbuhan pembangunan. Pusat Katalis mempunyai aktiviti ekonomi yang pelbagai berbanding Pusat Agropolitan yang terhad kepada aktiviti pertanian.

Manakala, Pusat Agropolitan berfungsi sebagai pusat khidmat pertanian yang utama dan berpotensi untuk menjadi pusat pemasaran dan perdagangan pertanian serta menjana pertumbuhan ekonomi setempat.

4

Konurbasi

(Tidak Termasuk 2 Konurbasi di Sabah dan Sarawak)

11

Zon Promosi Pembangunan (ZPP)

24

Pusat Katalis

23

Pusat Agropolitan



Ladang Teh Boh Sungai Palas, Cameron Highland

Jadual 7-1: Senarai Konurbasi, ZPP, Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan bagi RFN Ke-4

Negeri	Konurbasi	Zon Promosi Pembangunan (ZPP)	Pusat Katalis	Pusat Agropolitan
Perlis	-	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Perlis-Kangar-Arau – Pauh Putra • Padang Besar-Lembah Chuping 	<ul style="list-style-type: none"> • Berseri • Kaki Bukit-Wang Kelian 	-
Kedah	Konurbasi Utara <ul style="list-style-type: none"> • Kulim – Sungai Petani – Bandar Baharu - Yan 	<ul style="list-style-type: none"> • Alor Setar – Jitra – Pendang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuah • Bukit Kayu Hitam 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Nerang • Sik • Baling • Air Hitam
Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan Negeri Pulau Pinang 	-	-	-
Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian Selama, Perak Konurbasi Nasional <ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian Tanjung Malim 	<ul style="list-style-type: none"> • Ipoh – Seri Iskandar – Lumut 	<ul style="list-style-type: none"> • Taiping – Kamunting • Lenggong • Gerik • Teluk Intan • Bagan Datuk 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengkalan Hulu • Manong • Trolak
Kelantan	-	<ul style="list-style-type: none"> • Kota Bharu (Bachok –Tok Bali – Kota Bharu – Machang – Pasir Mas – Pasir Puteh – Tanah Merah - Tumpat) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jeli • Gua Musang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Krai • Lojing
Terengganu	Konurbasi Timur <ul style="list-style-type: none"> • Chukai • Kertih 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Terengganu 	<ul style="list-style-type: none"> • Jertih 	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar Permaisuri • Jertih
Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • Kuantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jerantut – Bandar Tun Razak (Maran) – Temerloh - Mentakab 	<ul style="list-style-type: none"> • Bentong • Bandar Muadzam Shah 	<ul style="list-style-type: none"> • Raub • Kuala Lipis • Kuala Rompin
Selangor	Konurbasi Nasional <ul style="list-style-type: none"> • Hampir keseluruhan negeri Selangor 	-	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Selangor • Sungai Besar 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekinchan • Sabak
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan Wilayah Persekutuan 	-	-	-
Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia Vission Valley (MVV merangkumi Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson 	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tampin • Gemas • Seri Jempol 	<ul style="list-style-type: none"> • Gemas • Seri Jempol • Rembau • Kuala Pilah
Melaka	-	<ul style="list-style-type: none"> • Bandaraya Melaka Bersejarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Linggi • Pulau Sebang • Sungai Rambai 	-
Johor	Konurbasi Selatan <ul style="list-style-type: none"> • Johor Bahru ke Bandar Tenggara 	<ul style="list-style-type: none"> • Tangkak – Bandar Maharani Bandar Diraja – Pagoh • Bandar Penggaram - Kluang 	<ul style="list-style-type: none"> • Segamat • Mersing 	<ul style="list-style-type: none"> • Labis • Tenggara • Rengit
Wilayah Persekutuan Labuan	-	<ul style="list-style-type: none"> • Labuan (merangkumi keseluruhan Pulau-Pulau) 	-	-

Sumber: RFN Ke-4, 2020